



# Laporan Simposium Audit Dalam Tahun 2008

**“Ke Arah Memantapkan  
Prestasi Pengurusan  
Wang Awam”**

24 – 25 April 2008  
Akademi Audit Negara

## **Jawatankuasa Pelapor Simposium Audit Dalam 2008**

**En. Zaaba bin Zainuddin – Ketua Pelapor**

**Pn. Dr. Masiah binti Ahmad**

**Pn. Nor Akma binti Mohd. Baki**

**Cik Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman**

**Pn. Mona binti Othman**

**Pn. Nor Asma binti Abdullah Sani**



## KANDUNGAN

| PERKARA                                                                                                                        | MUKA SURAT |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| PENDAHULUAN                                                                                                                    | 1 - 2      |
| UCAPAN ALUAN KETUA AUDIT NEGARA                                                                                                | 3 - 5      |
| UCAPTAMA KETUA SETIAUSAHA NEGARA                                                                                               | 5 - 7      |
| PERBINCANGAN PANEL 1:                                                                                                          |            |
| Fungsi Unit Audit Dalam Di Sektor Awam<br>– Isu Dan Cabaran                                                                    | 8 - 15     |
| TAKLIMAT:                                                                                                                      |            |
| Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Oleh Jabatan Audit Negara                                                                     | 16 - 18    |
| PERBINCANGAN PANEL 2:                                                                                                          |            |
| Penggunaan <i>Internal Auditing Standards</i> Ke Arah Meningkatkan<br>Profesionalisme Dan Keberkesanan Audit Dalam Sektor Awam | 19 - 23    |
| PEMBENTANGAN KERTAS KERJA:                                                                                                     |            |
| Ke Arah Memantapkan Pengurusan Kewangan Organisasi<br>– Isu Dan Cabaran Dari Persepsi Audit Dalam                              | 24 - 31    |
| RUMUSAN SIMPOSIUM                                                                                                              | 32         |
| RESOLUSI SIMPOSIUM                                                                                                             | 33         |



## 1. Pendahuluan

1.1 Perbelanjaan wang awam merupakan nadi pembangunan ekonomi Negara. Isu seperti pemborosan, pembaziran dan penyelewengan tentunya akan menjejaskan kelancaran dalam pembangunan negara. Oleh itu, pengurusan wang awam perlu diurus dengan cekap, berkesan dan berhemah. Unit Audit Dalam (UAD) merupakan mekanisme yang signifikan kepada tadbir urus terbaik dalam organisasi. Sehubungan itu, usaha penambahbaikan perlulah dilakukan secara berterusan bagi memperkasakan UAD supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan serta menepati ekspektasi masyarakat.

1.2 Pada 24 dan 25 April 2008, Simposium Audit Dalam yang bertemakan "Ke Arah Meningkatkan Prestasi Pengurusan Wang Awam" telah berlangsung di Akademi Audit Negara. Tema ini dipilih bagi menyatakan komitmen Juruaudit Dalam bagi memastikan wang awam dibelanjakan dengan cekap, berhemah dan tanpa pembaziran demi kesejahteraan negara. Simposium ini telah dihadiri oleh seramai 340 peserta yang terdiri daripada pegawai dari UAD Kementerian dan Jabatan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, *Government Link Companies* serta pegawai dari Jabatan Audit Negara.

1.3 Objektif simposium adalah untuk berbincang, bertukar-tukar pendapat dan pengalaman dalam menilai semula dan mengatur pendekatan dan strategi bagi membantu memantapkan lagi prestasi pengurusan wang awam di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Ia juga mendedahkan peserta kepada penggunaan *Internal Auditing Standards* dalam melaksanakan tugas pengauditan. Simposium ini juga merupakan salah satu usaha Jabatan Audit Negara bagi meningkatkan hubungan dan kerjasama antara Audit Dalam dan Audit Luar ke arah mengukuhkan tadbir urus organisasi.

1.4 Simposium ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Mohd. Sidek bin Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara. Turut hadir semasa majlis perasmian ini adalah Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pegawai-Pegawai Kewangan Negeri. Simposium ini turut menyaksikan pelancaran logo baru Jabatan Audit Negara serta dua buah buku bertajuk 'Kecemerlangan Pengurusan Kewangan – Dari Perspektif Jabatan Audit Negara' dan 'Tiger Zainal' – *Reminiscence of an Auditor*. Sempena simposium ini, satu pameran berkaitan Sistem Pengurusan Pengauditan secara elektronik (eSPP) juga telah diadakan. Sistem yang telah dibangunkan oleh Jabatan Audit Negara ini merupakan satu sistem yang dapat membantu juruaudit dalam mengurus semua aspek pengauditan bermula dari perancangan, pelaksanaan, pelaporan hingga pemantauan.

**Gambar Di Sekitar Perasmian Simposium Audit Dalam  
Pada 24 April 2008**





## 2. Ucapan Aluan Ketua Audit Negara

2.1 Keberkesanan Unit Audit Dalam (UAD) amat penting kerana ia dapat melonjakkan tadbir urus organisasi. Juruaudit Dalam dapat membantu organisasi Kerajaan mencapai akauntabiliti dan integriti, menambah baik operasi serta menerapkan keyakinan di kalangan rakyat dan *stakeholders*. Peranan UAD kini semakin mencabar dimana pihak pengurusan organisasi menghendaki perkhidmatan pengauditan yang menjangkau pengauditan pematuhan tradisional selain daripada penilaian kawalan dalaman dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan. Oleh itu, UAD perlu memberi perkhidmatan pengauditan '*extended*' bagi memberi nilai tambah kepada pihak pengurusan seperti pengauditan prestasi dan ICT, penilaian keberkesanan polisi dan prosedur, penilaian risiko serta analisis dan perbincangan dengan pengurusan.

2.2 Y. Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara dalam ucapannya memaklumkan bahawa perjawatan UAD telah meningkat dengan amat ketara sekali iaitu dari 144 jawatan pada tahun 2001 kepada 458 jawatan pada tahun ini. Beberapa jawatan di UAD juga kini telah dan sedang dalam proses dinaiktarafkan. Pertambahan bilangan perjawatan UAD bukanlah faktor penting untuk memastikan tadbir urus terbaik sesebuah organisasi tetapi apa yang lebih penting ialah memastikan juruaudit dapat menjalankan tugas secara profesional. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa langkah Kerajaan untuk mengisi jawatan di semua UAD Kementerian dan Jabatan Persekutuan dengan pegawai-pegawai kader yang terlatih dari Jabatan Audit Negara adalah amat bersesuaian. Perkembangan yang memberangsangkan ini menunjukkan pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan penting UAD dalam menambahbaik tadbir urus organisasi.

2.3 Jabatan Audit Negara bersedia meminjamkan juruaudit di UAD di Badan Berkanun Persekutuan dan agensi Kerajaan yang memerlukan serta akan terus membantu dari segi pembangunan modal insan melalui Akademi Audit Negara. Program latihan yang sistematik dan relevan akan dirangka agar anggota UAD dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran pengauditan yang secukupnya untuk menghasilkan pengauditan yang bermutu.

2.4 Y. Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara menggesa anggota UAD untuk menjadi *versatile* bagi menjamin keberkesanan di mana bukan sahaja berperanan sebagai pemberi khidmat jaminan tetapi juga menjadi fasilitator strategik dan penasihat pengurusan. Bagi membolehkan tugas tersebut dapat dijalankan, anggota UAD perlu meningkatkan profesionalisme dengan memperolehi kelayakan profesional dan menjadi ahli Institut Juruaudit Dalam.

2.5 Y. Bhg. Tan Sri juga turut mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan agar pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit Negara termasuk yang bertugas di UAD Kementerian/Badan Berkanun dilantik

menjadi ahli Jawatankuasa Audit Badan-badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan mahupun Negeri. Kajian telah membuktikan bahawa kepakaran juruaudit telah berjaya meningkatkan keberkesanan tadbir urus melalui keanggotaan dalam jawatankuasa audit. Langkah ini dapat memantapkan perjalanan Jawatankuasa Audit bagi membantu Lembaga Pengarah Badan Berkanun/Anak-anak Syarikat Kerajaan memastikan tadbir urus dan prestasi organisasi mereka sentiasa berada di landasan yang kukuh dan berakauntabiliti.

2.6 Simposium pada kali ini telah diserikan dengan pelancaran logo baru Jabatan Audit Negara oleh Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Pelancaran Logo baru ini melambangkan penglibatan Jabatan Audit Negara yang lebih meluas dalam aktiviti pengauditan awam dan kerjasama latihan serta bantuan teknikal di peringkat antarabangsa seperti latihan dan bantuan teknikal anjuran *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dan *Asian Organisation of Supreme Audit Institutions* (ASOSAI). Jabatan Audit Negara juga diiktiraf menjadi penganjur kepada *Malaysian Technical Cooperation Program* (MTCP) dalam latihan bidang pengauditan prestasi dan ICT.

2.7 Y. Bhg. Tan Sri turut memanjatkan rasa kesyukuran kerana buku 'Kecemerlangan Pengurusan Kewangan – Dari Perspektif Jabatan Audit Negara' dapat dilancarkan seiring dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang diperkenalkan mulai tahun ini. Buku ini merupakan satu lagi langkah proaktif Jabatan Audit Negara dalam menambah baik pengurusan kewangan Kerajaan. Buku ini bukan sahaja akan menjadi sumber rujukan pegawai pengawal dan anggotanya dalam mengurus dana awam tetapi akan digunakan sebagai bahan latihan di Institusi Latihan Kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam.

2.8 Y. Bhg. Tan Sri juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Hj. Zainal Abidin bin Hj. Pitchay kerana telah menyahut cabaran untuk menghasilkan buku bertajuk 'Tiger' Zainal – *Reminiscence of an Auditor*. Beliau berharap penghasilan buku ini akan menjadi inspirasi bagi juruaudit yang telah bersara atau yang masih bertugas untuk menulis pengalaman pengauditan agar dapat dikongsi bersama.

2.9 Pada simposium ini, Y. Bhg. Tan Sri turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah meluluskan penstrukturan semula Jabatan Audit Negara baru-baru ini dengan tambahan sebanyak 481 jawatan pelbagai kumpulan bagi memperkasakan Jabatan. Beliau percaya dengan pertambahan jawatan ini, Jabatan Audit Negara akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan bagi merialisasikan visi dan misi Jabatan dalam meningkatkan akauntabiliti awam di semua peringkat sama ada Kementerian, Jabatan, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi.

2.10 Di akhir ucapan, Y. Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara berharap agar simposium ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta dengan mengambil bahagian secara aktif untuk sama-sama menghasilkan input dan resolusi bagi memantapkan prestasi pengurusan wang awam demi kecemerlangan sektor awam. Jabatan Audit Negara sentiasa bersedia untuk menjadikan perhimpunan Juruaudit Dalaman sebagai satu acara tahunan sebagai usaha dalam memupuk profesionalisme di kalangan juruaudit.

**Gambar Semasa Ucapan Aluan Ketua Audit Negara**



### **3. Ucaptama Ketua Setiausaha Negara**

3.1 Y. Bhg. Tan Sri Mohd. Sidek bin Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara dalam ucaptamanya menegaskan Juruaudit Dalam perlu memberi komitmen yang tinggi bagi memastikan aspek tadbir urus organisasi sentiasa kukuh, berintegriti dan berakauntabiliti bagi menghadapi suasana perkhidmatan awam yang semakin mencabar. Pihak Kerajaan telah memberi pengiktirafan yang sewajarnya terhadap peranan Juruaudit Dalam mahupun Juruaudit Luar dengan pertambahan bilangan perjawatan juruaudit yang signifikan di Jabatan Audit Negara dan di UAD bagi membantu Kerajaan meningkatkan kualiti tadbir urus di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi. Kerajaan juga telah menubuhkan Akademi Audit Negara dalam usaha membangunkan modal insan serta meningkatkan profesionalisme Juruaudit.



3.2 Menurut Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara lagi, Kerajaan juga telah bersetuju untuk mengkaderkan pengisian jawatan di UAD di pelbagai Kementerian dan Jabatan oleh juruaudit terlatih dari Jabatan Audit Negara. Beliau berharap langkah-langkah yang diambil bagi memperkasakan UAD dapat membantu Kementerian dan Jabatan menangani gejala negatif seperti pemborosan, pembaziran mahupun penyelewengan. Langkah ini adalah wajar memandangkan program, aktiviti dan projek Kerajaan sentiasa bertambah pada setiap tahun.

3.3 Y. Bhg. Tan Sri amat mengalu-alukan *strategic partnership* yang terjalin di antara Jabatan Audit Negara dan UAD bagi menjamin tadbir urus yang terbaik dan berakauntabiliti, selain memberi nilai tambah kepada Kementerian dan Jabatan dalam memenuhi eskpektasi rakyat dan negara. Beliau juga menggesa Juruaudit Dalam bertindak secara proaktif sebagai 'mata dan telinga' kepada pihak pengurusan sekaligus dapat mendedahkan sebarang penyelewengan dan amalan yang tidak beretika dalam masa yang singkat atau dapat dielakkan sama sekali. Menurut beliau, keberkesanan UAD dapat dinilai dengan memberi maklumat yang tepat dan objektif serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya kepada Pengurusan Tertinggi.

3.4 Y. Bhg. Tan Sri turut mengalu-alukan inisiatif Jabatan Audit Negara untuk menerbitkan buku 'Kecemerlangan Pengurusan Kewangan – Dari Perspektif Jabatan Audit Negara'. Buku ini amat berguna sebagai panduan bagi mereka yang terlibat dengan pengurusan kewangan dalam mengambil tindakan penambahbaikan yang cekap dan berkesan untuk mengatasi kelemahan yang ada. Ini secara tidak langsung akan membantu Jabatan mencapai *rating* Indeks Akauntabiliti yang lebih baik.

3.5 Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara turut menyentuh mengenai Komitmen Perkhidmatan Awam 2008 yang telah diumumkan pada awal tahun ini yang berkisar kepada aspek pengamalan prinsip integriti dan akauntabiliti dalam perkhidmatan awam. Pada hemat beliau, prinsip dan amalan tadbir urus yang terbaik merupakan asas penting bagi kejayaan pelaksanaannya serta memberi penekanan terhadap aspek prestasi dan pematuhan. Kedua-dua aspek ini secara langsung mempunyai kaitan dengan tugas pengauditan melalui penilaian terhadap pelaksanaan program dan aktiviti agensi dari segi kecekapan, keberkesanan serta memastikan tiada berlakunya sebarang pembaziran. Juruaudit juga perlu memastikan setiap prosedur, peraturan dan undang-undang yang berkaitan dipatuhi.

3.6 Berdasarkan pemerhatian beliau, salah satu aspek tadbir urus yang perlu diberi perhatian adalah berhubung dengan prestasi anak-anak syarikat kepada Badan-Badan Berkanun Kerajaan. Menurut beliau, terdapat beberapa anak syarikat yang telah lama wujud tetapi bukan sahaja tidak menunjukkan keuntungan malah terus bergantung kepada bantuan kewangan dari badan induk. Y. Bhg. Tan Sri berpendapat bahawa UAD perlu memantau pengurusan anak-anak syarikat tersebut sama ada

boleh mencapai Petunjuk Utama Prestasi (KPI) yang telah ditetapkan mahupun berdaya maju. Peranan nilai tambah yang sebeginilah yang sepatutnya dilaksanakan oleh Juruaudit Dalam supaya memberikan penilaian yang objektif dan bebas kepada pihak pengurusan.

3.7 Y. Bhg. Tan Sri menaruh harapan agar Institusi Audit Dalam akan terus memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan urusan tadbir perkhidmatan awam yang terbaik. Usaha ke arah peningkatan kualiti perlu dilipatgandakan supaya peranan Audit Dalam terus relevan serta menepati keperluan semasa dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan awam berintegriti. Beliau juga meminta pegawai UAD sentiasa menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan bukan sahaja dalam bidang kewangan bahkan juga bidang-bidang lain seperti pengurusan sumber manusia, ekonomi, ICT serta bidang-bidang lain yang menjadi *core business*.

3.8 Sebelum mengakhiri ucapan, Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara berharap agar peserta memanfaatkan sepenuhnya simposium ini dalam usaha meningkatkan profesionalisme demi keberkesanan serta kecekapan pengurusan kewangan serta meningkatkan standard akauntabiliti awam di Malaysia.

Gambar Semasa Ucaptama Ketua Setiausaha Negara



#### 4. **Perbincangan Panel 1** **Fungsi Unit Audit Dalam Di Sektor Awam – Isu dan Cabaran**

##### **Pengerusi**

Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil  
Mantan Ketua Audit Negara

##### **Ahli Panel:**

- i. Y. Bhg. Dato' Azizah binti Hj. Arshad  
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)
- ii. Tn. Hj. Anwari bin Suri  
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)
- iii. En. Boon Jon Lin  
Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

**Sesi Perbincangan Panel 1 sedang berlangsung**



4.1 Pengerusi panel memaklumkan perbincangan panel adalah bertujuan untuk membincangkan peranan dan fungsi UAD dalam memantapkan prestasi pengurusan wang awam. Beliau memberitahu bahawa juruaudit masa kini berhadapan dengan cabaran baru memandangkan rakyat sekarang lebih bijaksana dan peka dengan persekitaran semasa terutamanya apabila ia melibatkan pengurusan kewangan atau perbelanjaan wang awam. Isu perbelanjaan berhemah, integriti dan tanggungjawab pegawai pengawal sering menjadi topik hangat yang diperkatakan oleh rakyat. Sehubungan itu, juruaudit perlu bertindak bagi memastikan bahawa ekspektasi rakyat terhadap pengurusan wang awam dipenuhi. Bagi menjamin integriti dan akauntabiliti wang awam, terdapat dua institusi yang memainkan peranan penting iaitu Jabatan Audit Negara atau Firma Audit Swasta yang merupakan juruaudit luar. Di samping itu, juruaudit dalam sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah juga penting dalam memantapkan pengurusan wang awam.

4.2 Pengerusi panel seterusnya menjelaskan perbezaan tanggungjawab juruaudit dalam dan juruaudit luar seperti berikut:

| Elemen               | Juruaudit Dalam                                                                    | Juruaudit Luar                                                                    |
|----------------------|------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Fokus             | Isu-isu operasi, nasihat dan tadbir urus korporat                                  | Pengesahan terhadap Penyata kewangan dan penilaian kawalan dalaman                |
| 2. Pelaporan         | Melapor kepada pihak pengurusan                                                    | Melapor kepada Jawatankuasa Audit                                                 |
| 3. Kebebasan         | Terikat dengan tanggungjawab dan peranan yang merupakan sebahagian dari organisasi | Mempunyai kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan berinteraksi dengan auditi |
| 4. Hasil Pengauditan | Mengenalpasti masalah dan membantu di dalam memberi pendapat dan cadangan          | Lebih kepada memenuhi keperluan statutori atau tuntutan undang-undang             |
| 5. Tindakan Susulan  | Bekerjasama dengan auditi                                                          | Menghadkan tindakan susulan kepada aspek kewangan                                 |

Walaupun terdapat perbezaan, secara umumnya juruaudit luar dan dalam mempunyai tanggungjawab yang sama iaitu bersama-sama berganding bahu dalam memantapkan pengurusan kewangan sektor awam.

**Pembentangan oleh Ahli Panel Pertama – Y. Bhg. Dato’ Azizah binti Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)**

4.3 Y. Bhg. Dato’ Azizah binti Hj. Arshad menerangkan fungsi UAD adalah untuk menilai kebolehpercayaan dan keberkesanan kawalan dalaman organisasi; menilai pematuhan kepada dasar-dasar, undang-undang dan peraturan; menilai sama ada aktiviti diurus dengan cekap dan berkesan, memberi nasihat dan pandangan mengenai semua sistem dan melapor kepada Pegawai Pengawal mengenai hasil pengauditan.

4.4 Beliau telah memaklumkan penemuan kajian yang telah dilakukan pada tahun 2007 terhadap 28 UAD Kementerian dan 14 UAD di Jabatan Persekutuan. Beberapa isu pengurusan dan perancangan pengauditan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

|      |                                                                                                                          |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i.   | 33 UAD mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2007 dari segi tugas yang dijalankan                              |
| ii.  | Semua UAD bertanggungjawab terus kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan                                                   |
| iii. | Hanya 14 UAD mempunyai kakitangan yang mencukupi                                                                         |
| iv.  | 22 UAD berpuashati dengan gred yang sedia ada                                                                            |
| v.   | Semua UAD berpendapat bahawa latihan yang diberi adalah mencukupi untuk membolehkan mereka menjalankan tugas pengauditan |
| vi.  | 12 UAD tidak dibekalkan kemudahan yang secukupnya                                                                        |

|       |                                                                                                                                                                                                               |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| vii.  | Peruntukan kewangan yang diterima oleh semua UAD adalah mencukupi                                                                                                                                             |
| viii. | 22 UAD menyediakan Rancangan Audit tahunan dengan lengkap                                                                                                                                                     |
| ix.   | Rancangan Audit tahunan bagi 31 UAD telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan                                                                                                                      |
| x.    | Hampir kesemua UAD melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan prestasi                                                                                                                                  |
| xi.   | Hanya 7 UAD melaksanakan pengauditan ICT                                                                                                                                                                      |
| xii.  | 28 UAD mengemukakan Rancangan Audit Tahunan ke Perbendaharaan sebelum 31 Januari 2007. Perkara ini perlu diberi perhatian serius memandangkan Rancangan Audit merupakan arah tuju pengauditan yang dijalankan |

4.5 Y. Bhg. Dato' juga menekankan dalam pelaksanaan pengauditan, perhatian perlu diberi terhadap penyediaan Memorandum Rancangan Audit (MRA) untuk mengawal dan memantau pengauditan yang dijalankan. Kertas kerja Audit hendaklah disediakan dengan teratur. Pemerhatian Audit perlu jelas, padat dan tepat serta dikeluarkan dalam tempoh sepatutnya. Beberapa isu mengenai pelaksanaan pengauditan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

|      |                                                            |
|------|------------------------------------------------------------|
| i.   | 27 UAD telah ada menyediakan MRA                           |
| ii.  | Hampir kesemua UAD menyediakan kertas kerja dengan lengkap |
| iii. | Semua UAD menyedia Pemerhatian Audit                       |
| iv.  | 13 UAD telah menetapkan tempoh menjawab Pemerhatian Audit  |

4.6 Beliau seterusnya menghuraikan tentang penyediaan MRA, Pemerhatian Audit, Laporan Tahunan UAD dan pemantauan terhadap UAD. Menurut beliau, MRA hendaklah mengandungi latar belakang program, objektif pengauditan, skop, metodologi, *Areas of Audit Interest*, Jadual Pelaksanaan, Ahli Pasukan Audit dan Bajet.

4.7 Pemerhatian Audit perlu mengandungi elemen kriteria, keadaan, sebab, implikasi dan syor. Ketua Jabatan perlu memastikan tindakan susulan diambil supaya isu-isu dapat diambil tindakan sewajarnya. Isu-isu berbangkit perlu dibincangkan dalam Jawatankuasa Audit. Memandangkan isu yang sama selalu dibangkitkan, adalah disyorkan *joint venture audit* antara UAD dan Jabatan Audit Negara dijalankan.

4.8 Bagi penyediaan laporan tahunan UAD, ianya perlu disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan dikemukakan sebelum 31 Mac setiap tahun. Laporan tersebut hendaklah diluluskan oleh Pegawai Pengawal sebagai komitmen mereka untuk meningkatkan keberkesanan UAD. Pemantauan terhadap UAD juga perlu dibuat oleh Perbendaharaan. Pihak Audit mendapati Perbendaharaan ada melaksanakan naziran di UAD Kementerian/Jabatan.



**Pembentangan oleh Ahli Panel Kedua – Tuan Hj. Anwari bin Suri,  
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)**

4.9 Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) membentangkan kertas mengenai keberkesanan UAD Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di mana satu kajian telah dibuat terhadap 31 daripada 145 PBT yang mempunyai UAD. Sebelum menjelaskan hasil penemuan audit, beliau telah memaklumkan objektif penubuhan UAD dan objektif penubuhan PBT. Mengikut beliau, terdapat 145 PBT yang terdiri daripada 6 Majlis Bandar Raya, 3 Dewan Bandar Raya, 1 Lembaga Bandaran, 34 Majlis Perbandaran, 100 Majlis Daerah dan 1 PBT.

4.10 Skop pengauditan bagi kajian keberkesanan UAD PBT adalah bagi tahun 2004 hingga Mac 2007. Hasil kajian menunjukkan beberapa penemuan audit seperti berikut:

|       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i.    | UAD ditubuhkan di bawah undang-undang dan peraturan yang berbeza-beza iaitu Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, Ordinan PBT 1996 dan Peraturan Kewangan PBT 1997, Majlis Perbandaran dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Sebanyak 76% UAD ditubuh di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004.   |
| ii.   | UAD bertanggungjawab kepada pelbagai individu seperti Lembaga Pengarah, Datuk Bandar, Presiden dan Yang Di Pertua. Sebanyak 65% UAD bertanggungjawab kepada Yang Di Pertua.                                                                                                                                     |
| iii.  | Rancangan Audit Tahunan bagi 50% daripada 31 UAD diluluskan oleh Yang Di Pertua                                                                                                                                                                                                                                 |
| iv.   | Sebanyak 65% UAD telah mengadakan perbincangan awal dengan Yang Di Pertua                                                                                                                                                                                                                                       |
| v.    | Sebanyak 58% UAD tidak menyediakan MRA. Perkara ini memberi implikasi kepada pelaksanaan kerja pengauditan.                                                                                                                                                                                                     |
| vi.   | Sebanyak 65% UAD menyedia Pemerhatian Audit                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| vii.  | 20 UAD membuat pemantauan terhadap kerja-kerja pengauditan                                                                                                                                                                                                                                                      |
| viii. | Sebanyak 61% UAD telah menerima latihan/kursus. Latihan merupakan elemen penting bagi anggota UAD mencapai <i>output</i> yang berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan dalaman dan luaran.                                                                                                                    |
| ix.   | Ketidakseimbangan gred jawatan UAD dengan beban tugas di mana Ketua UAD bergred W48 hanya mengeluarkan 31 pemerhatian dan laporan manakala Ketua UAD bergred W41 mengeluarkan 77 pemerhatian dan 58 laporan. Sebanyak 58% UAD memberi maklumbalas bahawa beban tugas tidak sesuai dengan gred jawatan yang ada. |
| x.    | Sebanyak 42% UAD telah membentangkan isu UAD dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun                                                                                                                                                                                                         |
| xi.   | Sebanyak 46% UAD menyedia Laporan Audit Tahunan                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| xii.  | Sebanyak 80% UAD bersetuju dengan penemuan audit                                                                                                                                                                                                                                                                |

4.11 Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) merumuskan bahawa UAD di PBT masih belum mencapai matlamat penubuhannya bagi membantu pihak pengurusan mempertingkatkan lagi tahap pematuhan undang-undang, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Faktor pemantauan, penyeliaan dan penglibatan serta komitmen pihak pengurusan dikenalpasti menyumbang kepada perkara ini.

4.12 Antara syor penambahbaikan ialah UAD hendaklah mempunyai perancangan yang jelas, Datuk Bandar/Yang Di Pertua hendaklah bertanggungjawab terhadap UAD, struktur organisasi UAD hendaklah disusun semula, anggota UAD perlu meningkatkan kompetensi dengan menghadiri latihan serta pemantauan dan pemeriksaan oleh pihak pengurusan amat perlu dilakukan dari semasa ke semasa.

**Pembentangan oleh Ahli Panel Ketiga – En. Boon Jon Lin, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan**

4.13 En. Boon Jon Lin memaklumkan bahawa Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 telah menggariskan peranan dan tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam pengurusan Badan Berkanun Persekutuan (BBP). Menurut beliau, daripada 118 BBP, 80 BBP telah menubuhkan UAD. Baki 38 BBP belum menubuhkan UAD kerana ada yang baru ditubuhkan dan ada yang bersaiz kecil. Bagi BBP kecil ini, Kementerian Pengawas bertanggungjawab menjalankan tugas Audit Dalam.

4.14 En. Boon telah menghuraikan beberapa isu dan cabaran UAD seperti berikut:

|    |            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|----|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i. | Perjawatan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• UAD hendaklah diberi bilangan pegawai yang mencukupi</li> <li>• BBP bersaiz besar dicadangkan mempunyai jawatan antara 20-80 pegawai</li> <li>• BBP lain boleh mempunyai antara 1 – 3 pegawai</li> <li>• Bilangan dan gred jawatan yang diluluskan tidak mengikut saiz, bilangan pusat tanggungjawab, program/aktiviti, aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan BBP</li> </ul> |
| ii | Pengalaman | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua UAD tidak mempunyai pengalaman dan kepakaran</li> <li>• Pegawai baru UAD tidak mempunyai pengalaman untuk menjalankan pengauditan dan penyiasatan</li> <li>• Kekosongan perjawatan di UAD melambatkan proses pengauditan dan proses tindakan susulan tidak dapat dibuat</li> </ul>                                                                                            |

|       |                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-------|---------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| .     |                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengisian jawatan di UAD yang dibiarkan kosong berpanjangan</li> <li>• Ketua UAD kerap ditukar dalam masa yang singkat</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                  |
| iii.  | Peranan UAD                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanggapan peranan UAD hanya mencari kesalahan dan menimbulkan masalah kepada auditi</li> <li>• Kesukaran mendapat kerjasama auditi seperti mendapatkan dokumen dan maklumat yang diperlukan</li> <li>• Penyelia tidak memberi kerjasama semasa pengauditan dijalankan</li> </ul>                                                                                   |
| iv.   | Pengauditan Berasaskan ICT/Kepakaran Lain Berdasarkan Fungsi Agensi | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan sistem maklumat merupakan isu kritikal yang perlu diaudit bagi memastikan kawalan dalaman dan pemantauan berkesan dibuat</li> <li>• Kepakaran dan kelulusan dalam bidang IT diperlukan</li> <li>• BBP mempunyai fungsi khusus iaitu kepakaran tertentu seperti penyelidikan, kurator seni tampak dan harta intelek yang memerlukan kepakaran</li> </ul> |
| v.    | Tiada Perancangan Strategik Dan Garis Panduan Pengauditan           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• UAD tidak mempunyai perancangan strategik berdasarkan risiko, materialiti dan impak kepada BBP</li> <li>• Fokus program/aktiviti atau aspek yang diaudit tiada di dalam perancangan</li> <li>• Komitmen pegawai UAD melalui kerja <i>ad hoc</i> BBP contohnya terlibat dalam jawatankuasa lain atau kerap menghadiri mesyuarat</li> </ul>                          |
| vi.   | Komitmen Pihak Pengurusan                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang memahami fungsi dan peranan UAD</li> <li>• Tindakan tidak diambil terhadap penambahbaikan dan pemerhatian audit</li> <li>• Isu <i>independence</i> disebabkan UAD juga merupakan kakitangan agensi</li> </ul>                                                                                                                                               |
| vii.  | Jawatankuasa Audit Tidak Bermesyuarat                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian audit dibawa terus kepada pengurusan tanpa membawa ke mesyuarat Jawatankuasa Audit</li> <li>• Jawatankuasa Audit tidak menyelia aktiviti UAD dengan rapi sebagai badan <i>oversight</i></li> </ul>                                                                                                                                                     |
| viii. | Kaedah Pengauditan Yang Relevan                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes <i>fraud</i> yang dilaporkan kebanyakannya berpunca dari sikap manipulasi pihak pengurusan.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                         |

4.15 Adalah dirumuskan bahawa keberkesanan UAD banyak bergantung kepada komitmen pengurusan atasan, bilangan dan gred pegawai, pegawai diberi latihan yang bersesuaian dan relevan dengan tugas dan fungsi, peranan aktif Jawatankuasa Audit dan perhatian serius pihak pengurusan terhadap laporan UAD.

### Isu Berbangkit Semasa Sesi Soal Jawab

4.16 Seramai tiga orang peserta telah membangkitkan soalan semasa sesi soal jawab di akhir perbincangan panel seperti berikut:

i. En. Che Isa bin Che Kob, Ketua UAD Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membangkitkan isu mengenai perjawatan, struktur Jawatankuasa Audit dan kekerapan pegawai yang bertukar. Beliau berpendapat kedudukan jawatan juruaudit perlu diperkemarkan dan jawatan Ketua UAD hendaklah setara dengan jawatan tinggi pihak auditi bagi memudahkan urusan komunikasi dan interaksi. Selain itu, adalah dicadangkan bahawa komponen anggota ahli Jawatankuasa Audit hendaklah mempunyai kelayakan profesional. Beliau juga menyatakan kekerapan pertukaran anggota UAD boleh menjejaskan tugas pengauditan.

Y. Bhg. Dato' Azizah telah mengulas bahawa keberkesanan fungsi UAD boleh dicapai sekiranya elemen SIKAP diwujudkan iaitu **Staf** yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran; **Independent** dalam merancang, mengaudit dan melaporkan terus kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan; **Komitmen** semua pihak, **Assurance** bagi memastikan kualiti dan integriti Laporan Audit dan **Pemantauan & Penyelarasan** oleh Perbendaharaan dan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

ii. En. Mohd Serjana bin Ibrahim, Timbalan Pengarah Audit Negeri Cawangan Negeri Terengganu, membangkitkan isu kekurangan kakitangan dan beban kerja yang banyak terutama *unscheduled jobs* seperti membalas surat aduan, surat layang, menjalankan siasatan khas serta terlibat dengan aktiviti sosial yang memerlukan kehadiran pegawai audit.

Bagi mengulas perkara ini, Pengerusi Panel menegaskan bahawa setiap juruaudit hendaklah *prioritize* kerja-kerja yang perlu dilakukan dan tidak memberi perhatian kepada perkara-perkara yang remeh.

iii. Tn. Hj. Abdull Rahman bin Ahmad, juruaudit di UAD Kementerian Pelajaran Malaysia memberi komen bahawa anggota UAD kurang berpengalaman dalam pengauditan. Sepatutnya mereka hendaklah mempunyai kemahiran komunikasi dan kepimpinan yang baik.

Sebagai mengulas komen ini, Y. Bhg. Dato Azizah menyatakan memanglah sesuai perjawatan UAD diisi secara kader dengan pegawai-pegawai audit yang terlatih bagi memastikan isu profesionalisme terjamin.

### **Rumusan Perbincangan**

4.17 UAD memainkan peranan yang penting dalam tadbir urus organisasi seperti pernyataan *You Love And Hate Them But You Need Them!*. Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan memetik artikel daripada *Internal Auditing* di mana terdapat lima perkara untuk mencapai kejayaan sebagai Juruaudit Dalam iaitu;

- i. *Treat clients with respect*
- ii. *Auditor declines the benefits of doubts*
- iii. *Battle the field*
- iv. *Accentuate the positive (Communicate the result)*
- v. *Be informative (well developed and detailed comments)*



**5. Taklimat Mengenai Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Dan Agensi Persekutuan Dan Negeri – Konsep dan Kaedah Oleh En. Juhari Bin Haron, Ketua Penyelaras, Sektor Audit Kerajaan Negeri**

5.1 Jabatan Audit Negara memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (IA) bertujuan untuk memudahkan pengukuran kualiti secara objektif bagi pengurusan kewangan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. IA dilaksanakan bagi tujuan membuat penilaian secara objektif terhadap akauntabiliti dalam pengurusan kewangan auditi. Selain mengelakkan kesilapan yang berulang di dalam pengurusan kewangan, IA diyakini dapat menyumbang dari aspek positif kepada elemen akauntabiliti; ketelusan; persaingan sihat; kecekapan serta penandaarasan. Dalam melaksanakan IA secara berkesan, aspek sokongan oleh pihak pengurusan dan auditi; ketelitian; objektiviti serta pertimbangan rasional amat diperlukan.

5.2 IA diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terhadap pengurusan; bajet; terimaan; perbelanjaan; pengurusan kumpulan wang amanah, akaun amanah dan deposit; aset dan inventori; pinjaman serta pelaburan. Ringkasan penerangan setiap elemen yang dinilai adalah seperti berikut:

**i. Kawalan Pengurusan**

Bertujuan untuk memastikan sejauhmana auditi telah mewujudkan suatu struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan. Dinilai berdasarkan indikator seperti Struktur Organisasi; Sistem dan Prosedur Yang Digunapakai serta Prestasi Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam.

**ii. Kawalan Bajet**

Bertujuan untuk memastikan bajet disediakan dan dikawal dengan sempurna dan perbelanjaan dibuat untuk tujuan ianya diperuntukkan. Dinilai berdasarkan indikator seperti Penyediaan Bajet; Pengagihan Peruntukan; Kelulusan Virement; Pemantauan Kemajuan/Prestasi Perbelanjaan dan Pelaporan.

**iii. Kawalan Terimaan**

Bertujuan untuk memastikan terimaan dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna. Dinilai berdasarkan indikator seperti Kawalan Borang Hasil; Penerimaan Wang; Kemasukan Terimaan Ke Bank serta Kawalan Perakaunan Terimaan.

**iv. Kawalan Perbelanjaan**

Bertujuan untuk menentukan sama ada semua perbelanjaan telah diluluskan dan dilakukan mengikut maksud yang telah ditentukan serta

diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Dinilai berdasarkan indikator seperti Kawalan Peruntukan; Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Pembayaran.

**v. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah dan Deposit**

Bertujuan untuk menentukan sejauh mana pengurusan Kumpulan Wang Amanah; Akaun Amanah dan Deposit telah diurus mengikut maksud yang ditetapkan; diperakaunkan dengan betul dan rekod berkaitan adalah lengkap dan kemaskini. Dinilai berdasarkan indikator seperti Pengurusan Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman/Pendahuluan serta Pengurusan Akaun Deposit.

**vi. Pengurusan Aset dan Inventori**

Bertujuan untuk memastikan sejauh mana penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan adalah teratur dan kemas kini. Dinilai berdasarkan indikator seperti Kawalan Umum Aset; Penerimaan Aset; Pendaftaran Aset; Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Aset; Penyenggaraan Aset; Pelupusan Aset serta Kehilangan dan Hapus Kira Aset.

**vii. Pengurusan Pelaburan**

Bertujuan untuk memastikan sejauhmana auditi telah menguruskan pelaburan dengan berkesan. Dinilai berdasarkan indikator seperti Kuasa Kelulusan Pelaburan; Pematuhan Pelaburan Mengikut Peraturan; Had Pelaburan serta Penyelenggaraan Rekod Pelaburan.

**viii. Pengurusan Pinjaman**

Bertujuan untuk memastikan bahawa pinjaman adalah teratur. Dinilai berdasarkan indikator seperti Kuasa Kelulusan Pinjaman; Penyediaan Perjanjian Pinjaman serta Penyelenggaraan Rekod Pinjaman.

5.3 Pemberian skor antara 1 hingga 4 seperti berikut akan diberi berdasarkan kepada pematuhan auditi terhadap undang-undang/peraturan kewangan:-

- Nilai skor 4 – Melambangkan tahap pengurusan kewangan yang sangat baik, dimana markah yang diperolehi adalah di antara 90 hingga 100.
- Nilai skor 3 – Melambangkan tahap pengurusan kewangan yang baik, dimana markah yang diperolehi adalah di antara 70 hingga 89.
- Nilai skor 2 – Melambangkan tahap pengurusan kewangan yang memuaskan, dimana markah yang diperolehi adalah di antara 50 hingga 69.
- Nilai skor 1 – Melambangkan tahap pengurusan kewangan yang tidak memuaskan, dimana markah yang diperolehi adalah di bawah 50.

5.4 Secara umumnya, IA boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan. Selain itu, melalui teguran yang dikeluarkan, pihak auditi dapat mengetahui aspek ketidakpatuhan peraturan yang ditetapkan dan seterusnya mengambil tindakan pembaikan segera untuk menanganinya. Dengan pelaksanaan IA, pihak auditi juga akan sentiasa peka dan prihatin mengenai pengurusan kewangan dan seterusnya membudayakan konsep membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul.

**Taklimat Mengenai Indeks Akauntabiliti oleh En. Juhari**



6. **Perbincangan Panel 2**  
**Penggunaan *Internal Auditing Standards* Ke Arah Meningkatkan Profesionalisme dan Keberkesanan Audit Dalam Sektor Awam**

**Pengerusi:**

Y. Bhg. Puan Sri Datin Dr. Mary Lee Siew Cheng  
Associate Professor, UiTM

**Ahli Panel:**

- i. Y. Bhg. Dato' R. Segarajah  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan  
Kewangan, Kementerian Kewangan Malaysia
- ii. En. Hashim bin Mohammed  
Setiausaha Kehormat, *Institute of Internal Auditors*, Malaysia
- iii. En. Rosli bin Rasul  
Ketua Juruaudit Dalam, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank  
Rakyat)

Sesi Perbincangan Panel 2 sedang berlangsung



6.1 En. Hashim bin Mohammed, Setiausaha Kehormat dari *Institute of Internal Auditors* (IIA), sebagai pembentang pertama telah menyentuh beberapa IIA *Standards* dan kepentingannya, hubungan IIA *Standards* dan tadbir urus korporat yang efektif serta hubungan IIA *Standards* dan tanggungjawab badan *oversight* yang efektif.

6.2 IIA *Standards* adalah Standard Audit Dalam yang diiktiraf secara global dan ia merupakan panduan mandatori bagi Juruaudit Dalam. IIA *Standards* adalah mengikut standard Audit Dalam Amerika Syarikat. Lima Standard Utama ciri yang dinyatakan dalam IIA *Standards* adalah seperti berikut:

- 1000 – *Purpose, Authority & Responsibility*
- 1100 – *Independence & Objectivity*
- 1200 – *Proficiency & Due Professional Care*
- 1220 – *Continuing Professional Development*
- 1300 – *Quality Assurance and Improvement Programme*

6.3 En. Hashim seterusnya menerangkan Matrik Kompetensi Audit Dalam dimana Matrik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu *soft skills*, kemahiran perniagaan, kemahiran utama audit dan kemahiran khusus. Juruaudit perlu beralih ke arah *emerging skills* seperti pemikiran strategik, etika, pengauditan berasaskan risiko, tadbir urus IT, *Sarbanes-Oxley*, pengetahuan mengenai amalan terbaik, *forensic/fraud* dan IT *Network*. Seterusnya, beliau memberitahu tentang Standard Utama Prestasi iaitu:

- 2000 – *Managing Internal Audit Activity*
- 2100 – *Nature of Work*
- 2200, 2300, 2400, 2500 & 2600 – *Audit Process and Engagement*

6.4 Pembentang juga telah berkongsi pengalaman dengan para peserta mengenai tadbir urus korporat Telekom Malaysia (TM) yang berkesan. Antaranya *line of reporting* yang jelas, mempunyai pakar-pakar bagi bidang tertentu seperti kewangan, IT, pemasaran, standard dan amalan terbaik serta menggunakan *risk-based audit plans*. TM menggunakan kerangka COSO dalam menilai keberkesanan kawalan dalaman. Laporan Audit berasaskan format COSO adalah lebih fokus kepada kelemahan kawalan dalaman yang utama. Kerangka COSO mempunyai lima komponen utama iaitu maklumat & komunikasi, penilaian risiko, persekitaran kawalan, aktiviti kawalan dan pemantauan.

6.5 En. Hashim juga memaklumkan tentang IIA *Standard* 2110 – *Risk Management*, IIA *Standard* 2120 – *Control* dan IIA *Standard* 2130 – *Governance*. Menurut beliau, IIA *Standards* memajukan profesionalisme, fungsi Audit Dalam yang berkesan, fungsi *oversight* Jawatankuasa yang berkesan. Semua ini menyumbang kepada tadbir urus yang terbaik.

6.6 Pembentang kedua iaitu En. Rosli bin Rasul, Ketua Juruaudit Dalam, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) menyentuh mengenai tadbir urus Bank Rakyat. Bank Rakyat adalah tertakluk kepada Akta Koperasi, Bank Negara Malaysia (BAFIA) dan Akta Bank Rakyat. Kesefahaman antara juruaudit dan auditi sangat penting bagi memastikan fungsi audit dijalankan secara berkesan. Piagam Audit perlu disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Sebelum melaksanakan

pengauditan, juruaudit hendaklah membuat perancangan supaya pengauditan dapat dijalankan dengan lancar. Adalah penting juruaudit memahami profil risiko organisasi. Bank Rakyat menggunakan metodologi pengauditan berasaskan risiko bagi tujuan ini. Juruaudit hendaklah membuat analisis yang komprehensif dan mendalam serta dapat mengakses maklumat yang diperlukan. Sumber yang diperlukan hendaklah dikenalpasti contohnya peruntukan, pegawai yang terlibat dan jumlah *mandays* yang diperlukan.

6.7 Pembentang juga telah mengetengahkan beberapa isu. Mengikut IIA *Standards* mengenai *proficiency*, juruaudit hendaklah mempunyai pengetahuan dalam menjalankan bidang-bidang pengauditan. Sekiranya organisasi tidak mempunyai kepakaran, sesuatu pengauditan itu bolehlah *dioutsourced*. Isu yang kedua ialah mengenai ketidakpatuhan terhadap polisi dan prosedur. Ini adalah disebabkan oleh tingkah laku manusia yang melaksanakan fungsinya. Adalah perlu isu audit yang dibangkitkan difokus kepada isu utama. Di samping itu, kajian secara mendalam juga adalah penting.

6.8 Isu seterusnya adalah mengenai jaminan kualiti. Bank Rakyat menggunakan teknik *Artificial Intelligence Virtual Auditing* (AIVA). Teknik ini dapat mengurangkan 60% masa yang digunakan di *on-site* dan ia juga boleh mengesan sebarang penipuan yang telah berlaku dan akan berlaku. Contohnya, sistem ini telah dapat mengesan pelanggan yang mempunyai lebih dari tujuh akaun pinjaman di Cawangan berprestasi tinggi (*High-Performing Branch*). Analisis mengenai perkara ini menunjukkan pelanggan ini bekerja dengan beberapa syarikat yang mana majikannya adalah merupakan *common director*. Didapati sebahagian pinjaman yang diambil adalah untuk membiayai tujuan lain.

6.9 Y. Bhg. Dato' R. Segarajah, Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan memaklumkan bahawa pemantauan terhadap UAD di peringkat Persekutuan dan Negeri adalah dibuat oleh Kementerian Kewangan. Beliau bersetuju bahawa penggunaan IIA *Standards* meningkatkan profesionalisme dan keberkesanan juruaudit dalaman sektor awam. Adalah perlu juruaudit menjadi ahli korporat IIA bagi meningkatkan kompetensi mereka. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Manual Audit Dalam dan INTOSAI juga telah mengeluarkan *Professional Guidance on Internal Auditing*.

6.10 Beberapa halangan telah dikenalpasti dalam menggunakan IIA *Standards*. Keberkesanan UAD adalah bergantung kepada kompetensi modal insan. Pegawai perlu meningkatkan pengetahuan dengan menghadiri latihan dan menjadi ahli IIA. Kementerian Kewangan amat mengalu-alukan inisiatif Jabatan Audit Negara dalam memperkasakan UAD. Beliau mencadangkan Akademi Audit Negara dan IIA bekerjasama membentuk kurikulum pengauditan sektor awam yang sesuai dan boleh diiktirafkan. Kementerian Kewangan akan berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pengiktirafan kelayakan tersebut.



6.11 Pembentang juga bersetuju bahawa penggunaan pengurusan risiko terhadap program dan aktiviti Kerajaan adalah penting terutama bagi projek yang berimpak tinggi bagi memastikan tadbir urus yang baik. Kementerian Kewangan berharap Kerajaan akan mengeluarkan panduan mengenai pengurusan risiko. Beliau juga menyentuh mengenai peranan Jawatankuasa Audit sebagai pengawas kepada tadbir urus organisasi. Pembentang mengakhiri pembentangannya dengan mengutarakan beberapa persoalan seperti berikut:

- Adakah kita mempunyai *in-house Audit Committee* yang dianggotai oleh beberapa pengurusan dan agensi?
- Sama ada Jawatankuasa Audit perlu dianggotai oleh ahli bebas (pegawai kanan agensi, pesara pegawai awam atau pesara akademik atau profesional)
- Siapakan pengerusi bagi Jawatankuasa tersebut sama ada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam atau Jabatan Audit Negara?

### Isu Berbangkit Semasa Sesi Soal Jawab

6.12 En. Khalid Khan bin Abdullah Khan, Timbalan Pengarah Sosial, Badan Berkanun Persekutuan (BBP), meminta penerangan lanjut mengenai AIVA dan pandangan ahli panel mengenai keanggotaan Jawatankuasa Audit BBP yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara. En Rosli memberitahu AIVA adalah data mengenai semua aspek pengauditan di mana 40% verifikasi audit dibuat secara elektronik. Ia juga seperti *data mining* tetapi lebih kepada *knowledge management*. Ia dibangunkan sendiri oleh Bank Rakyat dan baru digunakan sejak dua tahun yang lepas.

6.13 Mengulas tentang keanggotaan Jawatankuasa Audit BBP, Y. Bhg. Dato' R. Segarajah memberitahu mungkin timbul *conflict of interest* tentang juruaudit yang menganggotai Lembaga Audit. Mengikut peraturan Syarikat Kerajaan terutama GLCs, hanya Pengarah/*alternate director* yang boleh menyertai Lembaga Audit. Selain itu, En. Hashim memaklumkan bahawa juruaudit yang menganggotai Jawatankuasa Audit adalah bertentangan dengan IIA *Standards*.

6.14 Puan Zalikar binti Yusoff, Pengurus Kanan EPF meminta huraian tentang laporan audit yang dikeluarkan melalui sistem COSO dan bagaimana organisasi mengurangkan *turnover* kumpulan pakar. Mengikut En. Hashim, laporan mengenai aspek tertentu yang dikeluarkan oleh COSO bukanlah mudah untuk disediakan contohnya laporan mengenai kelakuan etika organisasi, aktiviti kawalan, pengurusan risiko dan penilaian, kelakuan etika Jawatankuasa dan komunikasi. *Turnover* pegawai pakar pula dapat dikurangkan dengan memberi perhatian kepada individu utama organisasi di samping mendorong kakitangan lain.

**Pengerusi Panel memaklumkan bahawa setakat ini terdapat 470 juruaudit dalaman yang berkelayakan. Juruaudit digalak untuk mendapatkan kelayakan profesional iaitu *Certified Internal Auditor (CIA)* dimana peperiksaan boleh diambil secara *online* dan *Certified Government Auditing Professional (CGAP)*.**

6.15 Y. Bhg. Datu William Lee Boon Tong, Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri Sarawak memberi komen bahawa juruaudit dalaman yang kompeten tidak bermakna sekiranya Jawatankuasa Audit tidak aktif. Beliau berpendapat juruaudit dari Jabatan Audit Negara boleh memainkan peranan yang penting dalam Jawatankuasa Audit dalam mengenalpasti risiko dan mengurangkan risiko. Menurut beliau juruaudit dalaman hendaklah menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Beliau berpandangan bahawa ahli dalam Jawatankuasa Audit hendaklah individu yang boleh mengambil tindakan sewajarnya. Adalah sesuai juruaudit tersebut datang dari Jabatan Audit Negara.

6.16 En. Che Isa bin Che Kob memberi komen sama ada Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa eksekutif kerana walaupun mereka memberi pandangan tetapi mereka tidak boleh membuat sebarang keputusan.

6.17 Ketua Audit Negara telah mengulas tentang cadangan dalam ucapannya supaya juruaudit dari Jabatan Audit Negara menganggotai Jawatankuasa Audit di Syarikat, Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan. Menurut beliau, cadangan itu dibuat kerana ekspektasi awam terhadap tadbir urus wang awam. Siapakah yang memantau pulangan terhadap pelaburan Kerajaan memandangkan banyak syarikat yang mengalami kerugian? Siapakah yang bertanggungjawab mengurusnya? Siapa ahli dalam Jawatankuasa Audit? Siapa yang melindungi kepentingan Kerajaan (*watch dog*)? Adakah ahli Lembaga Jawatankuasa Audit menjalankan peranan mereka dengan efektif terutama jika ahli itu mempunyai banyak jawatan sebagai pengerusi? dan bagaimana untuk membuat mereka lebih berakuntabiliti? Ini adalah kerana mereka bukanlah terdiri daripada juruaudit yang terlatih. Mereka dilantik mungkin kerana untuk memenuhi kuota mesyuarat. Tujuan cadangan Ketua Audit Negara adalah untuk membantu Kerajaan memastikan Lembaga Jawatankuasa Audit berfungsi dengan berkesan. Peranan juruaudit dalam Jawatankuasa Audit tidaklah ada sebarang kepentingan tertentu hanya memastikan mereka menjalankan tugas. Cadangan ini perlu dilihat dari perspektif nilai tambah.

**7. Pembentangan Kertas Kerja  
Ke Arah Memantapkan Pengurusan Kewangan Organisasi  
- Isu dan Cabaran Dari Persepsi Audit Dalam**

**Pengerusi:**

Tuan Haji Mustafa bin Hj. Saman  
Pengarah Sektor Pengurusan Korporat  
Jabatan Audit Negara

**Ahli Panel:**

- i. Encik Redzuan bin Abdul Samad  
Ketua Audit Dalam  
Agensi Anti-Dadah Kebangsaan
- ii. Encik Mohd.Johari bin Abdul Kadir  
Ketua Audit Dalam  
Universiti Malaysia Terengganu
- iii. Encik Zahran bin Jasiman  
Ketua Audit Dalam  
Perbadanan Kemajuan Negeri Johor

**Sesi Pembentangan Kertas Kerja sedang berlangsung**



7.1 Encik Redzuan bin Abdul Samad mewakili Unit Audit Dalam di peringkat Kementerian dan Jabatan Persekutuan telah membentangkan isu-isu dan cabaran seperti berikut:

| Bil. | Isu                                                                                                                                                                                                                  | Cabaran                                                                                                                                                                                                                                              |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Struktur Organisasi UAD <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beberapa UAD ditempatkan di bawah satu Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan.</li> <li>• Satu pasukan menjalankan semua jenis pengauditan</li> </ul> | Konsep <i>Centralization</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beberapa UAD yang diwujudkan di bawah satu pegawai pengawal menjadi satu UAD sahaja.</li> <li>• Minimum struktur – 3 fungsi (Kewangan, Prestasi, siasatan/Khas/ICT)</li> </ul> |
| 2.   | Perjawatan pegawai UAD <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak seimbang</li> <li>• Tiada norma</li> </ul>                                                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menetapkan norma berasaskan kriteria tertentu di Kementerian/Jabatan (bajet, bil.PTJ, dll)</li> <li>• Komposisi seimbang (gred KAD sekurang-kurangnya setaraf dengan SUB Kewangan.</li> </ul>               |
| 3.   | Kompetensi/Profesionalisme Pegawai                                                                                                                                                                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan secara berjadual dan berterusan.</li> <li>• Menyediakan peruntukan kewangan untuk memperolehi kelayakan profesional (CIA, IIA, dll)</li> </ul>                                                      |
| 4.   | Ketidakselarasan Piagam pelanggan dan KPI                                                                                                                                                                            | Mewujudkan KPI dan Piagam Pelanggan yang seragam.                                                                                                                                                                                                    |
| 5.   | Penempatan Pegawai UAD yang terlalu lama di Kementerian/Jabatan                                                                                                                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan norma penempatan antara 3 hingga 5 tahun.</li> <li>• Mengambil kira tempoh penempatan pegawai UAD dalam polisi pusingan kerja.</li> </ul>                                                        |
| 6.   | Pegawai UAD dilibatkan dengan tugas operasi Kementerian/Jabatan                                                                                                                                                      | Menetapkan liputan tugas-mengehadkan penglibatan pegawai UAD dalam tugas operasi Kementerian/Jabatan.                                                                                                                                                |
| 7.   | Pemantauan terhadap UAD                                                                                                                                                                                              | Mempertingkatkan peranan Badan Pengawas (Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan ) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat suku tahun dengan semua UAD</li> <li>- Program naziran yang lebih kerap</li> </ul>                        |

7.2 Encik Mohd. Johari bin Abdul Kadir, Ketua Audit Dalam Universiti Malaysia Terengganu mewakili peserta dari Audit Dalam Badan Berkanun Persekutuan dan *Government Link Companies*. Beliau telah membentangkan isu dan cabaran seperti berikut:

|      |                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|-----------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i.   | <b>Kompetensi</b>                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Audit Dalam tiada pengalaman/kepakaran.</li> <li>• Pegawai baru tiada pengalaman menjalankan pengauditan.</li> <li>• Latihan kepada pegawai tidak mencukupi.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                         |
| ii.  | <b>Rancangan Audit</b>            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan Audit tidak lengkap, tidak berasaskan risiko, materialiti, impak kepada organisasi.</li> <li>• Pelaksanaan audit tanpa kelulusan Jawatankuasa Audit.</li> <li>• Auditan dijalankan secara <i>ad hoc</i> atas arahan pihak pengurusan atasan. (Auditan khas, <i>fraud</i>)</li> <li>• Rancangan Audit tidak seimbang dengan tenaga kerja yang sedia ada.</li> </ul>                          |
| iii. | <b>Peranan Agensi/ Organisasi</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak pengurusan kurang faham peranan UAD menyebabkan kurang komitmen dan sokongan pengurusan.</li> <li>• Kekosongan jawatan di UAD lewat diisi.</li> <li>• <b>Turnover</b> jawatan yang tinggi.</li> <li>• Persepsi negatif auditi terhadap tugas Audit Dalam.</li> <li>• Sekatan kebebasan UAD.</li> <li>• Wujud pertindihan fungsi antara <i>Risk Management Department</i> dengan UAD.</li> </ul> |
| iv.  | <b>Peranan Jawatankuasa Audit</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Audit belum diwujudkan oleh agensi.</li> <li>• Jawatankuasa Audit tidak/lewat dilantik.</li> <li>• Jawatankuasa Audit tidak bermesyuarat kerana tidak cukup kurom dan terlalu sibuk.</li> <li>• Jawatankuasa Audit kurang pengalaman dalam bidang audit/akaun</li> <li>• Jawatankuasa Audit belum/lewat meluluskan Rancangan Audit.</li> </ul>                                           |
| v.   | <b>Peraturan/undang-undang</b>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada <i>Networking Committee</i> diwujudkan antara agensi/IPTA.</li> <li>• Peraturan yang disediakan bagi UAD di Badan Berkanun kurang jelas .</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                            |

**7.3 Pembentang telah memberi beberapa cadangan seperti berikut:**

- i. Kajian semula Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 mengenai penubuhan Unit Audit Dalam di Badan Berkanun.
- ii. Pelantikan Jawatankuasa Audit Dalam perlu mengambil kira keupayaan ahli yang memberi komitmen.
- iii. Pihak pengurusan perlu lebih peka terhadap keperluan dan kekangan Audit Dalam.
- iv. *Networking Committee* perlu diwujudkan di kalangan agensi dan pertubuhan profesional.
- v. Skim khas/elaun khas diwujudkan untuk pegawai UAD.

7.4 Encik Zahran bin Jasiman, Ketua Audit Dalam Perbadanan Kemajuan Negeri Johor yang mewakili semua peserta dari Audit Dalam Jabatan, Agensi Negeri dan Badan Berkanun Negeri telah membentangkan kertas kerjanya seperti berikut:

| BIL. | ISU                                                                                                                                                                                                                                          | CABARAN                                                                                                                                                                                                                                         | CADANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <p>Kakitangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kekurangan kakitangan</li> <li>Bilangan jabatan /anak syarikat yang bertambah</li> <li>Gred jawatan</li> <li><i>Turnover</i> yang tinggi</li> <li><i>Succession Plan</i></li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menentukan saiz UAD yang sepatutnya berbanding saiz agensi.</li> <li>Cara untuk menarik pegawai menyertai Audit Dalam dan mengekalkan kepakarannya.</li> <li>Melindungi kebebasan Audit Dalam</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kaji semula bidang audit dan kompleksitinya.</li> <li>Penandaraan – perbandingan Audit Dalam yang mempunyai fungsi yang serupa. (PBT, BBN, PKEN)</li> <li>Dialog dengan pengurusan atasan.</li> <li>Sokongan daripada Jawatankuasa Audit.</li> <li>Mewujudkan lebih banyak peluang kerjaya untuk mengekalkan pegawai.</li> </ul> |



|    |                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melantik kakitangan secara kontrak (sebagai langkah jangka pendek)</li> <li>• Penswastaan Audit Dalam (<i>outsourcing</i>)</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 2. | <p>Pengalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada pengalaman pengauditan</li> <li>• Jabatan yang baru ditubuhkan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melengkapkan juruaudit dengan pengalaman dan kemahiran yang sepatutnya.</li> <li>• Menentukan hala tuju yang betul.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan latihan yang secukupnya</li> <li>• Menempatkan pegawai daripada Jabatan Audit Negara secara pinjaman. (2 – 3 tahun)</li> <li>• Menempatkan juruaudit di organisasi lain secara <i>attachment</i> bagi tujuan <i>on the job training</i></li> <li>• Menetapkan visi dan misi Unit Audit Dalam.</li> <li>• Mewujudkan <i>networking</i> di kalangan juruaudit dalam.</li> <li>• Menjadi Anak Angkat kepada Jabatan Audit Negara</li> </ul> |

|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 3. | <p>Peranan Unit Audit Dalam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada kerjasama daripada auditi</li> <li>• Menjalankan tugas-tugas <i>ad hoc</i>.</li> <li>• Peranan Jawatankuasa Audit</li> <li>• Tanggapan negatif auditi</li> <li>• Rancangan audit terjejas</li> <li>• Kurang pengalaman berkaitan audit ICT</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu mendapat pengiktirafan dan kerjasama daripada pihak pengurusan dan auditi.</li> <li>• Peranan Unit Audit Dalam tidak lari daripada matlamat asal penubuhannya.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian Kewangan perlu memperkasakan peranan Unit Audit Dalam</li> <li>• Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Pengurusan.</li> <li>• <i>Whistleblowing protection mechanism</i> diwujudkan dengan segera.</li> <li>• Mendapatkan kelayakan professional seperti CIA, CISA, CFE, CGAP</li> <li>• Menyediakan <i>Time Sheet</i> sebagai <i>defence mechanism</i> bagi juruaudit</li> </ul> |
| 4. | <p>Latihan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak ada peruntukan</li> <li>• Berorientasikan teori</li> <li>• Kursus yang tidak bersesuaian dengan tugas audit</li> </ul>                                                                                                                                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan peruntukan daripada auditi</li> <li>• Mendapatkan program latihan yang sepatutnya</li> </ul>                                                                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkongsian bahan rujukan antara Jabatan Audit Negara dan Institut Audit Dalam Malaysia.</li> <li>• Latihan secara dalaman mengikut keperluan dan persekitaran auditi</li> <li>• Promosi daripada Akademi Audit Negara</li> </ul>                                                                                                                                                        |

|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5. | <p>Perancangan strategik dan Garis Panduan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada perancangan strategik bagi UAD</li> <li>• Garis panduan yang lapuk dan tidak relevan dengan situasi semasa</li> </ul>                                                                 | Menentukan hala tuju UAD     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• UAD perlu ada perancangan strategik yang tersendiri</li> <li>• Kaji semula visi dan misi yang sedia ada untuk terus kekal relevan</li> <li>• Perbincangan antara Ketua Audit Dalam Sektor Awam perlu diadakan</li> <li>• Kementerian Kewangan perlu mengemas kini garis panduan sedia ada supaya selaras dengan keperluan semasa</li> </ul> |
| 6. | <p>Komitmen Pegawai Pengawal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai pengawal tidak faham fungsi UAD</li> <li>• Tidak ada maklum balas dan tindakan ke atas laporan audit</li> <li>• Kurang sokongan terhadap tugas audit</li> <li>• <i>Expectation gap</i></li> </ul> | Mendidik <i>stakeholders</i> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi latihan yang sesuai kepada <i>stakeholders</i>.</li> <li>• UAD perlu menjalankan <i>marketing</i> untuk menjelaskan peranannya kepada auditi</li> <li>• Mewujudkan <i>Audit Charter</i></li> <li>• Menjalankan <i>Client Satisfaction Survey</i> selain <i>Initial</i> dan <i>Exit Conference</i> dengan auditi</li> </ul>          |

|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 7. | <p>Kaedah Pengauditan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai atasan tidak memahami kaedah pengauditan</li> <li>• Kurang perkongsian pengalaman mengenai teknik pengauditan</li> <li>• Cara manual berbanding berkomputer</li> <li>• Skop audit yang terhad</li> <li>• Kekangan dalam mendapatkan bantuan daripada agensi lain</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan audit yang profesional</li> <li>• Peningkatan ilmu.</li> <li>• Cadangan untuk menambah nilai</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beri pendedahan kepada pihak pengurusan mengenai peranan dan kaedah pengauditan</li> <li>• Wujudkan <i>Networking</i> dan <i>e- Library</i> di kalangan agensi , badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan</li> </ul> |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## ISU BERBANGKIT SEMASA SESI SOAL JAWAB

7.5 Seramai 3 orang peserta telah membangkitkan soalan semasa sesi soal jawab di akhir perbincangan panel seperti berikut:

i. Y. Bhg. Dato' Azizah binti Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) telah menyentuh mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit di peringkat Kementerian dan Jabatan Persekutuan yang tidak dibincangkan oleh Kumpulan 1. Beliau menyatakan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan bagi meningkatkan keberkesanan peranan Unit Audit Dalam di Kementerian dan Jabatan Persekutuan.

ii. Cik Lim Sok Kiang, Timbalan Pengarah Audit Negeri, Cawangan Negeri Sabah telah mencadangkan supaya Akademi Audit Negara menganjurkan kursus kepada ahli Jawatankuasa Audit yang dilantik di agensi masing-masing bagi meningkatkan kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab jawatankuasa ini. Kursus ini juga dapat memberi pendedahan dan menambah komitmen kepada ahli yang dilantik.

iii. Encik Yap Yien Chiang dari Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak telah memberi penjelasan mengenai penubuhan Jawatankuasa Tindakan Pengurusan yang diwujudkan di negeri Sarawak. Jawatankuasa ini mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak pengurusan dan berjaya membantu Unit Audit Dalam menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

## 8. Rumusan Simposium

### Ketua Audit Negara Ketika Membuat Rumusan



8.1 Dalam ucapan penutup Ketua Audit Negara, beliau telah mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan dan berjaya memapar isu dan cabaran semasa di Unit Audit Dalam. Beliau juga merakamkan penghargaan kepada Y. Bhg. Dato' Segarajah, wakil Kementerian Kewangan dan berharap beliau dapat memberi perhatian terhadap cadangan yang diberikan.

8.2 Ketua Audit Negara seterusnya merumuskan isu-isu yang dibangkitkan dalam simposium ini iaitu mengenai struktur perjawatan UAD, kemajuan kerjaya, kelayakan profesional juruaudit dalaman dan latihan bagi anggota UAD.

8.3 Pada keseluruhannya, simposium ini berjaya mencapai matlamat ianya diadakan di mana banyak perkara berkaitan UAD dibincang dan dikupas oleh peserta dengan baik di samping memberi syor yang praktikal dan relevan untuk dilaksanakan. Simposium ini telah memberi peluang kepada Jabatan Audit Negara untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh UAD dan merangka tindakan bagi membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

## 9. Resolusi Simposium

Simposium ini telah menghasilkan sebanyak 6 resolusi seperti berikut:

- i. Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan) mengenai isu – isu berkaitan struktur perjawatan Unit Audit Dalam seperti ketidakseimbangan gred anggota dengan beban tugas, kakitangan yang tidak mencukupi dan jurang gred jawatan antara jawatan Ketua UAD dan Ketua Pengurus/Pusat Tanggung Jawab.
- ii. Jabatan Audit Negara, Institut Audit Dalaman Malaysia (IIAM) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam akan mengadakan perbincangan mengenai peluang kemajuan kerjaya dan kelayakan profesional juruaudit dalaman di sektor awam dan swasta. Ini termasuklah cadangan untuk menggantikan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dengan peperiksaan profesional IIA dengan mengambil kira suasana persekitaran tadbir urus masa kini.
- iii. Jabatan Audit Negara bersedia memberikan latihan dan kursus yang bersesuaian kepada pegawai-pegawai di UAD melalui Akademi Audit Negara. Bagi tujuan ini, Unit Audit Dalam perlu memberikan input mengenai keperluan kursus yang ingin diikuti.
- iv. Jabatan Audit Negara akan mengenal pasti beban kerja serta isu-isu signifikan seperti kakitangan tambahan dan pengalaman pegawai sebelum penempatan jawatan kader dibuat. Penempatan pegawai baru di UAD akan dikaji secara menyeluruh bagi memastikan pegawai mempunyai kemahiran yang secukupnya. Ketua Audit Dalam hendaklah memainkan peranan penting untuk melatih dan membimbing pegawai-pegawainya.
- v. Jabatan Audit Negara akan mewujudkan *strategic alliance* bersama Kementerian Kewangan bagi membincangkan perkara tertentu di samping menganjurkan program/aktiviti yang berkaitan dengan UAD.
- vi. Jabatan Audit Negara akan menganjurkan Simposium Audit Dalam pada setiap tahun bagi menjana idea baru dan memantapkan lagi peranan UAD.



Jabatan Audit Negara Malaysia  
No. 15, Aras 1- 5, Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 Putrajaya  
Malaysia

Tel : ++603-88899000

Fax : ++603-88889710

Laman Web : [www.jan.gov.my](http://www.jan.gov.my)